



2030
PERAK
SEJAHTERA



LAPORAN TAHUNAN

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA PERAK DARUL RIDZUAN
([PLANMALAYSIA PERAK](#))

2024

SEPINTAS LALU JPBD

Perak Darul Ridzuan

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan (PLANMalaysia Perak) adalah agensi yang bertanggungjawab untuk merancang, menyelaraskan dan mengawasi pembangunan bandar dan desa di negeri Perak. Sebagai salah satu jabatan di bawah kerajaan negeri, sejarah PLANMalaysia Perak berkait rapat dengan usaha untuk meningkatkan pembangunan dan kemajuan negeri melalui perancangan yang teratur dan mampan.

Jabatan ini bermula dengan penubuhan jabatan yang bertanggungjawab dalam perancangan bandar dan desa di Malaysia selepas merdeka pada tahun 1957. Negeri Perak, sebagai salah satu negeri utama, turut memerlukan jabatan yang khusus dalam bidang ini untuk menangani cabaran pembangunan dan perancangan guna memastikan keseimbangan antara pembangunan infrastruktur, ekonomi dan sosial.

Sejak penubuhannya, PLANMalaysia Perak memainkan peranan yang besar dalam perancangan infrastruktur utama seperti pembinaan jalan raya, pembangunan kawasan kediaman, perindustrian dan lain-lain. Jabatan bersama-sama pihak berkuasa tempatan sentiasa memastikan perancangan bandar dan desa seiring dengan keperluan penduduk serta matlamat pembangunan negeri.

Sehingga kini, PLANMalaysia Perak terus berperanan dalam merancang masa depan pembangunan negeri dengan lebih baik, memfokuskan kepada kawasan-kawasan yang memerlukan perhatian khusus, seperti kawasan luar bandar, serta memastikan pembangunan yang mampan dalam pelbagai sektor.





ISI KANDUNGAN

Perutusan Pengarah	III
Strategi Jabatan Korporat	1
Pengurusan Jabatan	7
Carta Organisasi	10
Bahagian Khidmat Pengurusan	18
Bahagian Korporat	26
Bahagian Rancangan Pembangunan, Geospatial dan ICT	44
Bahagian Pengurusan Perancangan dan Projek Khas	59
Aktiviti Jabatan 2024	79
Anugerah dan Pengiktirafan	108



Perutusan **PENGARAH**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, syukur kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat merakamkan pencapaian dan perkembangan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan (PLANMalaysia Perak) sepanjang tahun 2024 ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi sokongan penuh kepada kami, termasuk warga kerja JPBD Perak, pihak berkuasa tempatan, serta semua pemegang taruh yang terlibat dalam pembangunan negeri ini.

Semoga tahun 2025 akan membawa lebih banyak kejayaan dan keberkatan kepada kita semua. Kami di PLANMalaysia Perak bertekad untuk terus berusaha dan memberi sumbangan terbaik bagi memastikan pembangunan yang berkualiti dan mampan di negeri Perak.

TPr Gs. Mohamed Zamri bin Mohd Zain
Pengarah

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan
(PLANMalaysia Perak)



STRATEGI KORPORAT JABATAN



VISI

Menjadi Peneraju
Perancangan Bandar dan
Desa Ke Arah Kesejahteraan
Rakyat dan Kemakmuran
Negeri Menjelang 2040.



MISI

Memacu Perancangan
Pembangunan Negeri Melalui
Perancangan Spatial yang
Komprehensif dan Inovatif
Demi Kesejahteraan
Masyarakat.

DASAR KUALITI JABATAN


Jabatan beriltizam memberi perkhidmatan perancangan bandar dan desa yang cekap dan berkesan melalui perancangan dan pengawalan penggunaan tanah dan bangunan berteraskan sistem pengurusan kualiti yang mengutamakan peningkatan produktiviti dan sistem perkhidmatan penyampaian jabatan secara berterusan.



OBJEKTIF JABATAN

- Melaksanakan Dasar Perancangan Bandar dan Desa selaras Dasar Pembangunan Negara.
- Mengawalselia pemakaian dan pelaksanaan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan pindaan-pindaannya serta Kaedah-Kaedah Perlaksanaan di seluruh Negeri Perak.
- Memberi khidmat nasihat perancangan kepada Kerajaan Negeri, Jabatan Agensi Kerajaan serta orang awam.
- Menyediakan pangkalan data perancangan negeri yang komprehensif dan perkongsian maklumat yang efisien.
- Menyediakan rancangan pemajuan yang menepati perundangan dan keperluan negeri.

PIAGAM PELANGGAN







PENGURUSAN JABATAN



PENGURUSAN TERTINGGI



TPr Gs. Mohamed Zamri bin Mohd Zain
Pengarah
VU7

Syazlina binti Bahari,^{AMP}
Timbalan Pengarah
J13



PENGURUSAN TERTINGGI



Rosmiyani binti Che Harun, *ACM*
Ketua Bahagian Rancangan Pembangunan,
Geospatial dan ICT,
J12



TPr Hajah Faridahwati binti Mohd Salleh,
Ketua Bahagian Korporat,
J12




Juwis Ladiu,
Ketua Bahagian Pengurusan Perancangan
dan Projek Khas,
J12



CARTA ORGANISASI



CARTA ORGANISASI



BAHAGIAN KORPORAT

UNIT KEURUSETIAAN JPN, LEMBAGA RAYUAN DAN PENYELARASAN DASAR



MOHD KHALIL BIN BUSHRA

PP/J9

UNIT INOVASI, PENGURUSAN KUALITI DAN KOMUNIKASI KORPORAT



NUR NABILAH BT ROSZAI

PP/J9



SYAMSUL ADHA BIN ABD
GHANI

PPP/JA6 (TBK1)



MOHD NORAZAM BIN
BAHARUDDIN

PPP/JA6 (TBK1)



HAJAH ISMALIZA BT ISA

PPP/JA5



AHMAD FARID BIN
MOHAMAD

PPP/JA5



MOHD FAIROS BIN MOHD
TAJUDIN

PPP/JA5



MUHAINAWATI BT
MOHAMAD

PPP/JA5



NURUL ANNISA BT JOHARI

PPP/JA5




ROSS AMELIA BT RAMLAN

P.PELAN /JA1




NORHISHAM BIN BAHAROM

PPP/JA6 (TBK1)



NUR AZREEN BT HAMDAN

PPP/JA5



SITI NOORFAHANA BT
ABDUL RAZAK

PPP/JA5



SITI MARIAM BT RODAEI

PPP/JA5



YUHANIS ISNAIZA BT
ZAINAL ARIFFIN

P.PELAN/JA1

BAHAGIAN RANCANGAN PEMBANGUNAN, GEOSPATIAL & ICT

UNIT RANCANGAN PEMAJUAN 1



MOHD SHUHAIDI BIN
MAT ISA
PP/J10

UNIT RANCANGAN PEMAJUAN 2



SITI NOR AISYAH BT HAMZAH
PP/J9
SEHINGGA : 19.7.2024

NORASHIDA BT NAZRI
PPP/JA6

SHAFa MARZIDAH BT
ABDULLAH AYEOP
PPP/JA6 (TBK1)

SURAYA BT IBRAHIM
PPP/JA5

NORFAIZAL BIN
ARSHAD @ISMAIL
PPP/JA5

MOHAMED HUSLAN BIN
MOHAMED HUSSIN
PPP/JA5

MEOR MOHAMED FIRDAUS
BIN AHMAD ZAWAWI
PPP/JA5

NURHIDAYAH BINTI
DAHAMANHURI
PPP/JA5

SHAHORIZAN BT MD SARIF
P.PELAN/JA1

HARTINI BT HAMAD
PPP/JA6 (TBK1)

HAJAH SARIBANON BT
ABDULLAH SAFFARI
PPP/JA5

NOOR AINI BT OTHMAN
PPP/JA5

ABDUL LATIFF BIN SAHRY
PPP/JA5

UMAIRAH BT ABU HANIPAH
PPP/JA5

MUHAMMAD FARIDZUL
FAHMI BIN ARSHAD
PPP/JA5

BAHAGIAN RANCANGAN PEMBANGUNAN, GEOSPATIAL & ICT

UNIT GEOSPATIAL DAN ICT



MOHAMMAD SAADAM BIN MUSTAFA

PP/J9



NOOR IMRAN BIN
ZAINUDDIN

PPP/JA6 (TBK1)



NORAINI BT MAT RAZALI

PPTM/FA6 (TBK1)



ASMAN BIN ADNAN

PPP/JA5



YAZID BIN SHAREAT

PPP/JA5



AZRINA BT
MOHAMMAD SHAFIE

PPP/JA5



MUHAMMAD AZMAN BIN
ABU NAIM

PPP/JA5



AIZAT BIN MOHD YUSOF


PPTM/FA5

UNIT PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN RANCANGAN PEMAJUAN



NURUL AZWA BT ABDUL RAHMAN

PP/J9



NOR ROTHIDAH BT
BASRI@NADZI

PPP/JA6 (TBK1)



MOHAMAD SAFWAN BIN
SAHAK

PPP/JA5



MOHAMMAD FAIZAL BIN
ABD HAMID

PPP/JA5



FARIZUL SHAHRIL BIN
IBRAHIM

PO/H1

BAHAGIAN PENGURUSAN PERANCANGAN & PROJEK KHAS

UNIT KEURUSETAAN TEKNIKAL, OSC DAN PROJEK KHAS



MANISAH BT MAT YAAKOB

PP/J10

UNIT KHIDMAT NASIHAT PERANCANGAN DAN PEMANTAUAN



NORAFIDAH BT SALLEH

PP/J10(F)
SEHINGGA : 2.9.2024



AZLIZA BT MOHAMED

PP/J10(F)
BERMULA : 2.9.2024

UNIT PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN



NORMUNIRAH BT
AWALUDDIN

PP/J10(F)
SEHINGGA : 18.3.2024



GS. MIOR MUHAMMAD
NAZIRUL BIN SAPERI

PP/J9
BERMULA : 3.7.2024



IKMAL HASYDAN BIN
YAAKOP TAJUDDIN

PPP/JA7



MOHD SHUHAIMI BIN RAMLI

PPP/JA5
SEHINGGA : 6.7.2024



NORHAIRYANTIE BT HAIRI

PPP/JA5



MOHD SHAIFUL SHAH BIN
MD RADZI

PPP/JA5




MUHAMMAD ASYRIQ
SYAMIM BIN SHARUDIN

PPP/JA5



NOR FILZA BT ABDUL JALIL

PPP/JA5



MOHD HAFIZUL BIN ABDUL
HALIM

P.PELAN JA2 (TBK1)
SEHINGGA : 15.7.2024




SYAFINI BT MOHD NOOR

P.PELAN /JA1




BALKHIS BT SHARIFFUDDIN

PPP/JA6 (TBK1)



JAMAL ABD NASIR BIN
RAZALI

PPP/JA5
SEHINGGA : 24.7.2024



SHAFRIZAN BIN MOHD AMIN

PPP/JA5



SUHAILA BT MD KHALID

PPP/JA5




MOHAMAD ZURADY BIN
AHMAD NIZUAN

PPP/JA5



MUHAMMAD FAUZY BIN
OSMAN

PPP/JA5



MUHAMMAD SYAKIR BIN
SHAIFUL ZIAZAN

PPP/JA5
BERMULA : 4.11.2024



LENNY MARLINA BT JONOS

PPP/JA6



ASMADI BIN ISHAK

PPP/JA5



RAZWANI BT OSMAN

PPP/JA5



MIOR MOHAMAD FAIZ BIN
MOHD SALEHUDIN

PO/H1

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN



HAJAH RUZITA BT
ABDUL LATIF
SU PEJ/N7 (TBK2)



VIJANDRAN A/L
DEVAISAMY
PPT/N5

UNIT PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN



NORBAIZURA BT
SALEHUDDIN
PT/N2



MARIAM BT RAMLI
PT/N3 (TBK2)



HAMIDAH HASNI BT
MOHAMED ISA
PT/N2 (TBK1)



NORAIN BT ALANG
KAMARUDIN
PT/N2 (TBK1)



SYARIFUN NIZAM BIN
ZAINAL AZWAN
PT/N2 (TBK1)



ASNIZA BT ZOLKEFLI
PT/N2 (TBK1)
SEHINGGA : 15.4.2024



SHAMSAIZUL BIN YAHAYA
PT/N1



MUHAMMAD AZRIN BIN
MAZLAN
PT/N1



ATIQAH BT MASOHOR
PT/N1
BERMULA : 15.4.2024



HAJI OSMAN BIN YEOP
LON, PLP
PO/H1



RIDZUAN BIN JAMALUDDIN
PO/H1



MUHAMAD FARHAN BIN
MOHAMAD FARID
MySTEP



ZULKIPLI BIN YUSOP
PEMANDU/H1




MOHD IZHAB BIN
MAZLAN
PEMANDU/H1

UNIT KEWANGAN



AZIZUL B MANSUR
PT/W2



HASLINA BT KAMARUDDIN
PT/W5 (TBK1)



NOR MAIZURA BT ZAINON
PT/W1





AKTIVITI/PROGRAM **BAHAGIAN** KHIDMAT PENGURUSAN



PERJAWATAN JABATAN


BIL	JAWATAN / GRED	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN	SEBAB KEKOSONGAN
1	PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA / V7	1	1	0	-
2	PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA / J13	1	1	0	-
3	PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA / J12	3	3	0	-
4	PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA / J10	4	4	0	-
5	PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA / J9	5	4	1	Bertukar (1)
6	PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA / JA7	1	1	0	-
7	PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA / JA6	2	2	0	-
8	PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT / FA5 / FA6 (TBK1)	1	1	0	-
9	PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA / JA5 / JA6 (JSPS)	1	1	0	-
10	PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA / JA5 / JA6 (KUP)	44	43	1	Bersara Wajib (1)
11	PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT FA5 / (KUP)	1	1	0	-
12	PENOLONG AKAUNTAN / W5 (KUP)	1	1	0	-

PERJAWATAN JABATAN

BIL	JAWATAN / GRED	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN	SEBAB KEKOSONGAN
13	PENOLONG PEGAWAI TADBIR / N5	1	1	0	-
14	SETIAUSAHA PEJABAT / N7 (TBK2)	1	1	0	-
15	PEMBANTU TADBIR (PEKERANIAN/ OPERASI) / N2	1	1	0	-
16	PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN)/ W2	1	1	0	-
17	PEMBANTU TADBIR (PEKERANIAN/ OPERASI) N1 /N2/N3 (TBK1 DAN TBK2)	7	7	0	-
18	PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) /W1 / W2(TBK1)	1	1	0	-
19	PELUKIS PELAN (KEJURUTERAAN AWAM)/JA1/ JA2(TBK1)	6	4	2	Bersara Pilihan Sendiri (1) Naik Pangkat (1)
20	PEMBANTU OPERASI/ H1	4	4	0	-
21	PEMANDU KENDERAAN / H1	2	2	0	-
JUMLAH KESELURUHAN		89	85	4	-

Penjawatan Suku Tahunan Keempat (Oktober-Disember)

PRESTASI KEWANGAN 2024



PERTUKARAN KELUAR WARGA

1

Puan Normunirah binti Awaluddin
Unit Pusat Setempat, Majlis Perbandaran Port Dickson
Berkuatkuasa : 18.3.2024



2

Puan Asniza binti Zolkepli
Pejabat Daerah dan Tanah, Ipoh
Berkuatkuasa : 15.4.2024



3

Encik Mohd Hafizul bin Abdul Halim
JKR Negeri Perak (Ibu Pejabat)
Berkuatkuasa : 15.7.2024



4

Puan Siti Nor Aisyah binti Hamzah
**Pejabat Projek Zon Timur,
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Kuala Terengganu**
Berkuatkuasa : 19.7.2024



5

Puan Norafidah binti Haji Salleh
Majlis Perbandaran Teluk Intan
Berkuatkuasa : 2.9.2024



PERTUKARAN KELUAR WARGA



Puan Atiqah binti Masohor
Pejabat Daerah dan Tanah, Selama
Berkuatkuasa : 15.4.2024

1



Gs. Mior Muhammad Nazirul bin Saperi
Lantikan Baru
Berkuatkuasa : 3.7.2024

2



Puan Azliza binti Mohamed
Majlis Perbandaran Teluk Intan
Berkuatkuasa : 2.9.2024

3



Encik Muhammad Syakir bin Shaiful Ziazan
Lantikan Baru
Berkuatkuasa : 4.11.2024

4



Puan Nurhidayah binti Dahamanhuri
Lantikan Baru
Berkuatkuasa : 11.11.2024

5

PERSARAAN WARGA

1

Encik Mohd Shuhaimi bin Ramli

Persaraan Wajib

Berkuatkuasa : 6.7.2024



2

Encik Jamal Abdul Nasir bin Razali

Persaraan Wajib

Berkuatkuasa : 24.7.2024







AKTIVITI/PROGRAM **BAHAGIAN** KORPORAT



JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI (JPN)

Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) Perak Darul Ridzuan telah diadakan sebanyak (4) kali sepanjang tahun 2024. Berikut merupakan senarai kertas kerja yang dibentangkan dan dibincangkan dalam mesyuarat JPN:

BIL.1/2024 diadakan pada 14 Mac 2024		
Kertas Kerja Kelulusan		
1.	Panduan Inisiatif Persekitaran Mesra Autisme (PRISMA)	Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, PLANMalaysia
2.	Garis Panduan Perancangan Pemuliharaan Kawasan dan Bangunan Warisan (PeWARIS)	Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, PLANMalaysia
3.	Laporan Keputusan Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran (LKJSTP) dan Kelulusan Draf Rancangan Tempatan Daerah Muallim 2035 (Pengubahan) Bagi Tujuan Pewartaan	Majlis Daerah Tanjong Malim
4.	Laporan Keputusan Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran (LKJSTP) dan Kelulusan Draf Rancangan Tempatan Daerah Manjung 2030 (Pengubahan 3) Bagi Tujuan Pewartaan.	Majlis Perbandaran Manjung
Kertas Kerja Pemakluman		
5.	Kajian Sempadan Antarabangsa Malaysia-Thailand (KSAMT)	Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, PLANMalaysia
6.	Program Publisiti dan Penyertaan Awam bagi : a) Draf Rancangan Tempatan Daerah Kampar 2030 (Pengubahan 7) b) Draf Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah 2030 (Pengubahan 5) c) Draf Rancangan Kawasan Khas Pulau Pangkor	Bahagian Rancangan Pembangunan, Geospatial dan ICT, PLANMalaysia Perak
7.	Laporan Hasil Pengukuran Indeks Kemampanan Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar - Luar Bandar Malaysia 2.0 (MURNInets 2.0) Negeri Perak Tahun 2023	Bahagian Korporat, PLANMalaysia Perak
8.	Senarai Garis Panduan Perancangan yang disediakan oleh PLANMalaysia.	Bahagian Pengurusan Perancangan dan Projek Khas, PLANMalaysia Perak



Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil.1/2024


BIL.2/2024 diadakan pada 31 Mei 2024

Kertas Kerja Kelulusan

1.	Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan Bandar DiRaja	Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, PLANMalaysia
2.	Garis Panduan Perancangan Pembangunan Tanah Bawah Tanah	Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, PLANMalaysia
3.	Panduan Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial (PPSIA) Bagi Projek Pembangunan di Negeri Perak	Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, PLANMalaysia
4.	Garis Panduan Perancangan Petak Pengecasan Kenderaan Elektrik (EVCB)	Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, PLANMalaysia
5.	Draf Rancangan Tempatan Daerah Larut Matang 2035 (Pengubahan 4)	Majlis Perbandaran Taiping
6.	Draf Rancangan Tempatan Daerah Kerian 2035 (Pengubahan)	Majlis Daerah Kerian

Kertas Kerja Pemakluman

7.	Projek Urusan Rundingan Di Bawah Seksyen 20A Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)	Bahagian Pengurusan Perancangan dan Projek Khas, PLANMalaysia Perak
----	---	--



Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil.2/2024

BIL.3/2024 diadakan pada 26 Ogos 2024

Kertas Kerja Kelulusan

1.	Kelulusan Terhadap Cadangan Penerimapakaian Garis Panduan Perancangan Ladang Ternakan Ayam (GPP LANTERA)	Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, PLANMalaysia
2.	Cadangan Penambahbaikan Garis Panduan Perancangan Ladang Solar Negeri Perak	Bahagian Pengurusan Perancangan dan Projek Khas, PLANMalaysia Perak
3.	Cadangan Pelantikan Ahli Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran (JSTP) bagi Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan/Rancangan Kawasan Khas di Negeri Perak	Bahagian Rancangan Pembangunan, Geospatial dan ICT, PLANMalaysia Perak
4.	Kelulusan Laporan Publisiti, Bantahan dan Representasi terhadap cadangan Draf Rancangan Tempatan Daerah Manjung 2030 (Pengubahan 4) Dan Kelulusan Draf Rancangan Tempatan Daerah Manjung 2030 (Pengubahan 4) Bagi Tujuan Pewartaan	Majlis Perbandaran Manjung
5.	Draf Rancangan Tempatan Daerah Muallim 2035 (Pengubahan 2)	Majlis Daerah Tanjung Malim
6.	Cadangan Pembangunan Bandar Baharu Bagan Datuk, Daerah Bagan Datuk	Pejabat Daerah dan Tanah Bagan Datuk
7.	Kelulusan Laporan Publisiti, Bantahan Dan Representasi Terhadap Cadangan Draf Rancangan Tempatan Daerah Kerian 2035 (Pengubahan) Dan Kelulusan Draf Rancangan Tempatan Daerah Kerian 2035 (Pengubahan) Bagi Tujuan Pewartaan	Majlis Daerah Kerian
8.	Cadangan Membina Jambatan Baharu dari Kampung Bahagia ke Bandar Teluk Intan, Daerah Hilir Perak.	Bahagian Pengurusan Perancangan dan Projek Khas, PLANMalaysia Perak

...sambungan BIL.3/2024 diadakan pada 26 Ogos 2024

Kertas Kerja Pemakluman

9.	Urusan Rundingan Di Bawah Seksyen 20A Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) Bagi Projek-Projek Pembangunan Kerajaan	Bahagian Pengurusan Perancangan dan Projek Khas, PLANMalaysia Perak
10.	Laporan Blueprint Bandar Pintar Negeri Perak 2040	Bahagian Pengurusan Perancangan dan Projek Khas, PLANMalaysia Perak



Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil.3/2024

BIL.4/2024 diadakan pada 13 November 2024

Kertas Kerja Kelulusan

1.	Draf Rancangan Tempatan Daerah Manjung 2030 (Pengubahan 5)	Majlis Perbandaran Manjung
2.	Draf Rancangan Tempatan Daerah Muallim 2035 (Pengubahan 2)	Majlis Daerah Tanjung Malim
3.	Draf Rancangan Tempatan Daerah Kampar 2030 (Pengubahan 7)	Bahagian Rancangan Pembangunan, Geospacial dan ICT, PLANMalaysia Perak
4.	Draf RT Daerah Perak Tengah 2030 (Pengubahan 5)	Bahagian Rancangan Pembangunan, Geospacial dan ICT, PLANMalaysia Perak
5.	Laporan Pemantauan Perancangan Fizikal Negeri (LPPFN) 2024 Bagi Rancangan Struktur Negeri Perak 2040	Bahagian Rancangan Pembangunan, Geospacial dan ICT, PLANMalaysia Perak
6.	Terma Rujukan Rancangan Struktur Negeri Perak 2040 (Kajian Semula)	Pejabat Projek Zon Tengah PLANMalaysia
7.	Cadangan Calon Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Lembaga Rayuan Negeri Perak bagi sesi 2025-2028 di bawah Akta Perancangan Bandar & Desa 1976 (Akta 172)	Bahagian Pengurusan Perancangan dan Projek Khas, PLANMalaysia Perak
8.	Penerimapakaian Lapan (8) Garis Panduan Perancangan (GPP) Untuk Digunapakai di Negeri Perak : 1.Garis Panduan Perancangan Rumah Ibadat Islam. 2.Garis Panduan Perancangan Tempat Perkuburan Islam. 3.Garis Panduan Perancangan Skim Komuniti Berpengawal. 4.Garis Panduan Perancangan Skim Perumahan Komuniti Strata. 5.Garis Panduan Perancangan Bandar Berdaya Tahan Bencana Di Malaysia. 6.Garis Panduan Perancangan Pembangunan dan Pengurusan Di Kawasan Berisiko Bencana Gempa Bumi. 7.Garis Panduan Perancangan Laluan Kenderaan Mikromobiliti, 8.Garis Panduan Perancangan Penginapan Pekerja Berpusat (CLQ) dan Prosedur Permohonan Bagi Penyediaan Penginapan Pekerja Secara Jangka Pendek (TLQ),	Bahagian Pengurusan Perancangan dan Projek Khas, PLANMalaysia Perak

Kertas Kerja Pemakluman

1.	Pelaporan Pewartaan Tanah Lapang Negeri Perak Tahun 2023	Bahagian Rancangan Pembangunan, Geospacial dan ICT, PLANMalaysia Perak
----	--	---



Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil.4/2024

AUDIT PEMANTAUAN MS ISO 9001:2015

Audit Pemantauan MS ISO 9001:2015 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan (PLANMalaysia Perak) telah dilaksanakan pada 12 hingga 13 Ogos 2024 dan telah diaudit oleh Puan Nur Shahida bt Abdul Halim, Pegawai SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Audit tersebut mendapati bahawa semua prosedur kerja adalah akur dengan ketetapan Jabatan dan Jabatan telah mendapat persijilan MS ISO 9001:2015.

Audit dalaman MS ISO 9001:2015 telah diadakan pada 29 Mei 2024 sehingga 6 Jun 2024 bertempat di Bilik Mesyuarat Royal Belum, PLANMalaysia Perak.




PELAN OPERASI LATIHAN 2024

Jabatan telah menganjurkan sepuluh (10) kursus dalaman dan taklimat serta satu (1) program *team building* seperti di dalam jadual berikut:

Bil.	Tajuk Kursus	Tarikh	Penceramah
1	Program <i>Team Building</i> PLANMalaysia Perak 2024	17 Mei 2024	PLANMalaysiaPerak
2	Kursus <i>Fundamental of Canva Design</i>	28 Mei 2024	En Kanageswaran Sanasee
3	Kursus Audit Dalaman Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) PLANMalaysia Perak	14 Jun 2024	Pn. Nor Husna binti Idris dan Pn. Nur Dalila binti Mansor
4	Kursus Sulaman Benang Anjuran KOLEJ Komuniti Batu Gajah Sempena National Training Week	25 Jun 2024	Pn. Farah Nadia binti Murad
5	Kursus Latihan dan Bimbingan MS ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan	5 Ogos 2024	Pn. Syariah binti Abd Rahim dan Pn. Siela Adila'ain binti Zaina Salleh
6	Taklimat Berkaitan Saringan Kesihatan dan Persekitaran Tempat Kerja	9 Ogos 2024	Dr. Haji Nirwan bin Oska dan Dr. Sharmalah Rajasivam

Bil.	Tajuk Kursus	Tarikh	Penceramah
7	Kursus Asas Pertahanan Awam Siri 1/2024 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan Tahun 2024	28 Ogos 2024	Sarjan Mejar Hamdan bin Mat Salleh
8	Kursus Latihan dan Bimbingan MS ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Perak Darul Ridzuan	9 – 13 September 2024	Pn. Syariah binti Abd Rahim dan Pn. Siela Adila'ain binti Zaina Salleh
9	Taklimat <i>Artificial Intelligence</i> (AI)	19 September 2024	Perak Digital Corporation
10	Kursus Audit Dalam MS ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) PLANMalaysia Perak	26 – 26 September 2024	Pn. Syariah binti Abd Rahim dan Pn. Siela Adila'ain binti Zaina Salleh



Sekitar Taklimat *Artificial Intelligence* (AI) yang dilaksanakan pada 19 September 2024 di Hotel Casuarina@Meru, Ipoh.



Sekitar Program *Team Building* PLANMalaysia 2024 yang telah diadakan pada 17 Mei 2024 bertempat di *Lost World of Tambun Theme Park*.

LEMBAGA RAYUAN NEGERI PERAK

Sepanjang tahun 2024, sidang Lembaga Rayuan Negeri Perak tidak dapat dilaksanakan kerana masih dalam proses pelantikan Ahli-Ahli Lembaga Rayuan Negeri Perak (LRNP) yang baru. Ini adalah kerana Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan ahli tambahan LRNP untuk sesi 2020-2023 yang berkuatkuasa pada 17 Disember 2020 telahpun tamat pada 17 Disember 2023 (Warta Kerajaan Negeri Perak Bil. 2310 di bawah para No. 2475 & 2476).

Ketiadaan pelantikan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi LRNP menyebabkan sidang Lembaga Rayuan Negeri Perak telah tertangguh selama 1 tahun. Walau bagaimanapun, permohonan kes LRNP didaftarkan dan diproses mengikut Kaedah-Kaedah Lembaga Rayuan Negeri Perak Tahun 2022. Pada tahun 2024 terdapat 2 kes baharu telah diterima dan didaftarkan. Manakala 3 kes sedia ada masih tertunda sehingga pelantikan Ahli Lembaga Rayuan Negeri Perak yang baharu diwartakan.

Senarai Kes Baharu dan Kes Sedia Ada bagi Tahun 2024

Bil.	No Kes	Status / Peringkat	PBT
1.	190/MDTGM/04	Perbicaraan (Daftar pada 24 September 2020)	Majlis Daerah Tanjong Malim
2.	195/JPBD.PK/09	Perbicaraan (Daftar pada 19 Januari 2021)	PLANMalaysia Perak (Majlis Daerah Tanjong Malim)
3.	205/MPT/16	Perbicaraan (Daftar pada 17 Mei 2023)	Majlis Perbandaran Taiping
4.	206/MBI/143	Sebutan kes (Daftar pada 13 November 2024)	Majlis Bandaraya Ipoh
5.	207/MBI/144	Sebutan kes (Daftar pada 19 November 2024)	Majlis Bandaraya Ipoh

MAJLIS PERHIMPUNAN WARGA TAHUN 2024

Jabatan telah menganjurkan empat (4) Majlis Perhimpunan Warga bagi tahun 2024 seperti di dalam jadual berikut:

Bil.	Tarikh	Tempat
1	1 Februari 2024	Taman Eko Rimba, Ipoh
2	23 April 2024	Lost World of Tambun
3	9 Ogos 2024	Tower Regency Hotel, Ipoh
4	27 November 2024	Bilik Mesyuarat Royal Belum, PLANMalaysia Perak



Majlis Perhimpunan Warga Bil.1/2024



Majlis Perhimpunan Warga Bil.2/2024



Majlis Perhimpunan Warga Bil.3/2024



Majlis Perhimpunan Warga Bil.4/2024



PROGRAM PENERAPAN NILAI-NILAI MURNI

Sepanjang tahun 2024, sebanyak tiga (3) Program Nilai-Nilai Murni yang telah diadakan seperti di jadual di bawah:

Bil.	Majlis	Tarikh	Penceramah
1.	Majlis Bacaan Yasin dan Tazkirah	15 Mac 2024	AF. Ustaz Ahmad Khairul Nizam bin Ahmad Tarmizi
2.	Persediaan Menghadapi Ramadan	19 - 22 Mac 2024	-
3.	Infaq	27 Mac 2024	-







AKTIVITI/PROGRAM **BAHAGIAN** RANCANGAN PEMBANGUNAN, GEOSPATIAL & ICT



RANCANGAN KAWASAN KHAS PULAU PANGKOR

18
JANUARI
2024

Mesyuarat Jawatankuasa Publisiti Dan Penyertaan Awam (JPPA)
Bagi Draf Rancangan Kawasan Khas (RKK)
Pulau Pangkor, Perak

Bilik Mesyuarat Royal Belum, PLANMalaysia Perak

1
MAC
2024

Mesyuarat Persediaan Publisiti Dan Penyertaan Awam Serta Majlis
Perasmian Draf Rancangan Kawasan Khas (RKK)
Pulau Pangkor, Perak

Bilik Mesyuarat Pangkor, PLANMalaysia Perak

22
APRIL
2024

Mesyuarat Bersama Pihak Berkepentingan Bagi Pelaksanaan
Perancangan Draf Rancangan Kawasan Khas (RKK)
Pulau Pangkor, Perak

Bilik Mesyuarat Royal Belum, PLANMalaysia Perak

24
APRIL
2024

Lawatan Tapak Ke Lokasi Program Perasmian Bagi Publisiti Dan
Penyertaan Awam Draf Rancangan Kawasan Khas (RKK) Pulau
Pangkor, Perak

Pangkor Village Resort, Pulau Pangkor

Majlis Perasmian dan Sesi Bicara Pangkor Bagi Program Publisiti Dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Kawasan Khas Pulau Pangkor, Perak

Pangkor Village Resort, Pulau Pangkor

**20
MEI
2024**

Program Publisiti Dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Kawasan Khas (RKK) Pulau Pangkor, Perak

- Sembang Pangkor

Galeri Pangkor, Pulau Pangkor

**21
MEI
2024**

Program Publisiti dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Kawasan Khas (RKK) Pulau Pangkor, Perak

- Treasure Hunt- "Pulau Pangkor The Hidden Gem Of The Coast"

Arena Pasir Bogak, Pulau Pangkor

**22
MEI
2024**



Majlis Perasmian Program Publisiti Dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Kawasan Khas Pulau Pangkor, Perak di *Pangkor Village Resort*, Pulau Pangkor pada 20 Mei 2024 yang dirasmikan oleh YB Dato' Hj. Mohd Zolkaply bin Harun, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Negeri Perak mewakili YAB Menteri Besar Perak.



Sesi Bicara Pangkor : Pulau Pangkor sebagai Destinasi Pulau Pelancongan Mampan dan Pintar Bagi Program Publisiti Dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Kawasan Khas Pulau Pangkor, Perak yang membariskan Panel dari Pejabat Projek Zon Tengah, PLANMalaysia, Institut Darul Ridzuan dan Tourism Perak Management Berhad di *Pangkor Village Resort*, Pulau Pangkor pada 20 Mei 2024.



Sesi Sembang Pangkor : Hala Tuju Pembangunan Pulau Pangkor Oleh Majlis Perbandaran Manjung Bagi Program Publisiti Dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Kawasan Khas Pulau Pangkor, Perak diadakan pada 21 Mei 2024 di Galeri Pangkor, Pulau Pangkor.



Treasure Hunt ("Pulau Pangkor The Hidden Gem Of The Coast") bagi Program Publisiti Dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Kawasan Khas (RKK) Pulau Pangkor, Perak pada 22 Mei 2024 bertempat di Arena Pangkor, Pulau Pangkor

PELAN PENGURUSAN KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR (KSAS) NEGERI PERAK

Bengkel Pelan Pengurusan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Negeri Perak telah diadakan pada 20 – 21 Ogos 2024 bertempat di Hotel Novotel Taiping. Bengkel ini selaras dengan Draf Panduan Perancangan dan Pengurusan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) yang disediakan oleh PLANMalaysia. Bengkel ini dihadiri oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Perak dan Jabatan/Agensi Teknikal peringkat Negeri dan Persekutuan yang berkaitan.



Bengkel Pelan Pengurusan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Negeri Perak di Hotel Novotel Taiping pada 20-21 Ogos 2024.

RANCANGAN STRUKTUR NEGERI (RSN) PERAK 2040 (KAJIAN SEMULA)

Program Rundingan Awal Rancangan Struktur Negeri (RSN) Perak 2040 (Kajian Semula) telah diadakan pada 1 – 2 Oktober 2024 bertempat di Impiana Hotel, Ipoh yang dihadiri oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan, semua Pejabat Daerah dan Tanah, Jabatan/Agensi Teknikal di peringkat Negeri dan Persekutuan serta Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC). Tujuan program ini diadakan adalah untuk mendapatkan pandangan dan input semakan semula hala tuju pembangunan Negeri Perak bagi memantapkan penyediaan Terma Rujukan (*Term Of References* [TOR]) kajian semula ini.



Program Rundingan Awal Rancangan Struktur Negeri (RSN) Perak 2040 (Kajian Semula) bertempat di Impiana Hotel, Ipoh (1 dan 2 Oktober 2024). Program ini membariskan seramai 9 pembentang yang mengutarakan hala tuju Jabatan/Agensi Teknikal masing-masing.

SESI LIBAT URUS PENYEDIAAN PANDUAN PELAKSANAAN KEBENARAN MERANCANG PERLOMBONGAN NEGERI PERAK

Sesi Libat Urus Penyediaan Panduan Pelaksanaan Kebenaran Merancang Perlombongan Negeri Perak telah diadakan pada 25 November 2024 di Hotel Novotel Taiping Perak yang dirasmikan oleh YBr. TPr Gs. Mohamed Zamri bin Mohd Zain, Pengarah PLANMalaysia Perak.

Sesi ini diadakan adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat serta pandangan bagi membantu pihak PLANMalaysia Perak menyediakan Panduan Pelaksanaan Kebenaran Merancang Perlombongan di Negeri Perak yang tertakluk kepada keperluan Akta 172. Sesi libat urus ini telah dihadiri seramai 16 orang peserta yang mewakili Jabatan/ Agensi Negeri Perak dan Pihak Berkuasa Tempatan.



RANCANGAN KAWASAN KHAS (RKK) RANGKAIAN EKOLOGI *CENTRAL FOREST SPINE* (RE CFS) A-PL2 : HUTAN SIMPAN PADANG CHONG - HUTAN SIMPAN SUNGAI KUAK – HUTAN SIMPAN LAPANG NINERINING, DAERAH HULU PERAK, NEGERI PERAK

Bil.	Tarikh	Perkara	Tempat
1.	11 Oktober 2024	Mesyuarat Rundingan Awal Rancangan Kawasan Khas (RKK) Rangkaian Ekologi <i>Central Forest Spine</i> (RE CFS) A-PL2 : Hutan Simpan Padang Chong - Hutan Simpan Sungai Kuak - Hutan Simpan Lapang Ninerining, Daerah Hulu Perak, Negeri Perak	Bilik Mesyuarat Royal Belum, PLANMalaysia Perak
2.	5 November 2024	Program Rundingan Kajian Rancangan Kawasan Khas Rangkaian Ekologi <i>Central Forest Spine</i> (RE CFS) A-PL2 : Hutan Simpan Padang Chong – Hutan Simpan Sungai Kuak – Hutan Simpan Lapang Ninerining, Daerah Hulu Perak, Negeri Perak	Hotel Weil Ipoh



KAJIAN RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS DAERAH BATU GAJAH 2035 (PENGgantian)

Bil.	Tarikh	Perkara	Tempat
1.	14 Ogos 2024	Mesyuarat Pengenalan Pasukan Kajian Bagi Kajian Rancangan Tempatan Majlis Daerah Batu Gajah, Perak 2035 (Penggantian)	Auditorium Majlis Daerah Batu Gajah
2.	13 September 2024	Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Teknikal Bil. 1/2024	Travelodge Hotel Ipoh
3.	14 Oktober 2024	Sesi Libat Urus Bersama Agensi Teknikal Peringkat Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan 1	Dewan Bandaran Kinta, Batu Gajah

Mesyuarat Pengenalan Pasukan Kajian Bagi Kajian Rancangan Tempatan Majlis Daerah Batu Gajah, Perak 2035 (Penggantian) telah diadakan pada 14 Ogos 2024 bertempat di Auditorium Majlis Daerah Batu Gajah. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan) PLANMalaysia, Pengarah PLANMalaysia Perak, Yang DiPertua Majlis Daerah Batu Gajah, pihak perunding dan agensi teknikal peringkat persekutuan, negeri serta daerah yang terlibat dalam kajian ini.

Sesi libat urus bersama agensi teknikal peringkat Laporan Analisis Dan Strategi Pembangunan 1 (LASP 1) telah diadakan pada 14 Oktober 2024 bertempat di Dewan Bandaran Kinta, Batu Gajah. Pihak perunding dengan kerjasama Pejabat Projek Zon Tengah (PPZT), PLANMalaysia Perak dan Majlis Daerah Batu Gajah mengadakan sesi libat urus ini bertujuan untuk mendapatkan data dan maklum balas daripada agensi teknikal di peringkat daerah, negeri, persekutuan serta pihak yang berkepentingan berkaitan isu-isu semasa, cadangan-cadangan serta prospek pembangunan di kawasan pentadbiran Majlis Daerah Batu Gajah.

BENGKEL PENYEDIAAN PANDUAN PELAKSANAAN RANCANGAN TEMPATAN PENGUBAHAN NEGERI PERAK

Bengkel Penyediaan Panduan Pelaksanaan Rancangan Tempatan Pengubahan Negeri Perak telah diadakan pada 2 hingga 3 Julai 2024 bertempat di Novotel Hotel, Taiping. Bengkel ini diadakan bagi tujuan penyelarasan aspek dan keperluan perancangan yang perlu diambilkira khususnya semasa membuat penilaian ke atas sesuatu permohonan pengubahan ke atas rancangan tempatan agar ia dapat disediakan oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan mengikut proses yang betul dan selaras dengan keperluan Akta 172 dan Kaedah-Kaedah Rancangan Tempatan (Negeri Perak) 2024 yang telah diwartakan pada 6 Jun 2024



PEWARTAAN LAPORAN RANCANGAN PEMAJUAN

Bil.	Laporan	No. dan Tarikh Warta
1.	Rancangan Tempatan Daerah Hulu Perak 2030 (Pengubahan 2)	No. warta: 945 Tarikh warta: 14 Mac 2024
2.	Rancangan Tempatan Daerah Larut Matang 2035 (Pengubahan 3)	No. warta: 947 Tarikh warta: 14 Mac 2024
3.	Rancangan Tempatan Daerah Selama 2030 (Pengubahan 3)	No. warta: 948 Tarikh warta: 14 Mac 2024
4.	Rancangan Kawasan Khas Taman Negeri Royal Belum, Perak Darul Ridzuan	No. warta: 2423 Tarikh warta: 13 Jun 2024

PENYEDIAAN LAPORAN PEMANTAUAN PERANCANGAN FIZIKAL NEGERI PERAK 2024

Bil.	Tarikh	Perkara	Tempat
1.	2 - 3 April 2024	Sesi Libat Urus bagi Penyediaan Laporan Pemantauan Rancangan Struktur Negeri Perak	Grand Kampar Hotel, Kampar, Perak
2.	22 Ogos 2024	Mesyuarat Pra Jawatankuasa Pemantauan Rancangan Pemajuan (JPRP) Negeri Perak Bil.1/2024	Bilik Mesyuarat Royal Belum, PLANMalaysia Perak
3.	12 Sept. 2024	Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Rancangan Pemajuan (JPRP) Negeri Perak Bil.1/2024	Bilik Mesyuarat TSUK (P) UPEN, Bangunan Perak Darul Ridzuan

Sesi Libat Urus bagi Penyediaan Laporan Pemantauan Rancangan Struktur Negeri Perak telah diadakan di Grand Kampar Hotel, Kampar, Perak pada 2 hingga 3 April 2024.

Mesyuarat Pra Jawatankuasa Pemantauan Rancangan Pemajuan (JPRP) Negeri Perak Bil.1/2024 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Royal Belum, PLANMalaysia Perak pada 22 Ogos 2024 yang dipengerusikan oleh Pengarah PLANMalaysia Perak, TPr Gs. Mohamed Zamri bin Mohd Zain.

12 September 2024 | Khamis - Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Rancangan Pemajuan (JPRP) Negeri Perak Bil.1/2024 telah diadakan di Bilik Mesyuarat TSUK (P) UPEN, Bangunan Perak Darul Ridzuan pada 12 September 2024 yang dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (Pembangunan) merangkap Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), YBrs. Puan Halizah binti Sipun yang mewakili YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

SISTEM MAKLUMAT GUNA TANAH BERSEPADU (I-PLAN)

Bil.	Program/ Mesyuarat	
1.	Sesi Verifikasi dan Pengumpulan Maklumat Gunatanah Bagi Sistem Maklumat Gunatanah Bersepadu (I-Plan) Bersama 15 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Bil.1/2024 (Data Julai - Disember 2023) diadakan pada 25-26 Mac 2024
		Bil.2/2024 (Data Januari - Jun 2024) diadakan pada 9-10 Oktober 2024
2.	Mesyuarat Kumpulan Kerja Data Geospatial Negeri Perak	Bil.1/2024 (Data Julai - Disember 2023) diadakan pada 14 Mei 2024
		Bil.2/2024 (Data Januari - Jun 2024) diadakan pada 15 Oktober 2024








AKTIVITI/PROGRAM **BAHAGIAN** PENGURUSAN PERANCANGAN & PROJEK KHAS



PERMOHONAN PERANCANGAN

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 583 permohonan telah diproses oleh jabatan dan ke semuanya berjaya diselesaikan dalam tempoh piagam. Permohonan yang telah diproses adalah terdiri daripada Pelan Susun Atur (181 permohonan), Permohonan Tanah (300 permohonan), Pampasan Tanah/Pengambilan (53 permohonan) dan ulasan terhadap EIA (48 permohonan).

CARTA PAI BILANGAN DAN PERATUSAN PERMOHONAN PADA TAHUN 2024



BLUEPRINT BANDAR PINTAR NEGERI PERAK 2040

Mesyuarat Jawatankuasa Penggerak Bil 1/2024 bagi kajian *Smart City Blueprint* Negeri Perak 2040 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Royal Belum, PLANMalaysia Perak yang dipengerusikan oleh TPr. Gs. Mohamed Zamri bin Mohd Zain, Pengarah PLANMalaysia Perak pada 22 Januari 2024. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh jabatan/agensi peringkat Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak. Mesyuarat bertujuan untuk membentangkan Laporan Interim *Smart City Blueprint* Negeri Perak 2040 yang merupakan laporan pertama dibentangkan oleh perunding.



MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERANCANGAN (JKP)

Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan (PLANMalaysia Perak) berperanan sebagai Pihak Berkuasa Perancang Tempatan bagi kawasan di luar Pihak Berkuasa Tempatan selaras dengan subseksyen 5(2) Akta 172. Sepanjang tahun 2024, sebanyak 6 kali Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perancangan (JKP) telah diadakan iaitu:-

- i. Bil.1/2024 pada 7 Februari 2024
- ii. Bil.2/2024 pada 19 Mac 2024
- iii. Bil.3/2024 pada 31 Mei 2024
- iv. Bil.4/2024 pada 14 Ogos 2024
- v. Bil.5/2024 pada 14 Oktober 2024
- vi. Bil.6/2024 pada 10 Disember 2024

Terdapat 3 daerah yang masih mempunyai kawasan di luar PBT iaitu Muallim, Perak Tengah dan Hulu Perak (Pengkalan Hulu). Sebanyak 12 permohonan telah diterima iaitu 4 permohonan di Daerah Perak Tengah dan 8 permohonan di Daerah Muallim dengan keputusan 7 permohonan lulus Pemberian Kebenaran Merancang [Borang C(1)], 1 permohonan Penolakan Kebenaran Merancang [Borang C(2)] , 2 permohonan Perakuan Pelan bagi Perlanjutan Kebenaran Merancang dan 1 permohonan baharu yang akan dibawa ke mesyuarat pada tahun 2025.



BLUEPRINT BANDAR PINTAR NEGERI PERAK 2040

PLANMalaysia Perak dan Bahagian Kerajaan Tempatan Negeri Perak telah menyediakan satu *Blueprint* Bandar Pintar yang berteraskan *people centric* untuk dijadikan rujukan dan panduan kepada Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), jabatan/agensi negeri dan pihak yang berkepentingan (*stakeholders*) dalam merancang dan membangunkan bandar pintar di Negeri Perak.

Penyediaan *Blueprint* Bandar Pintar telah melalui beberapa siri libat urus dan kaji selidik melibatkan pelbagai jabatan/agensi kerajaan mahupun swasta di peringkat persekutuan, negeri dan PBT serta penduduk Negeri Perak khususnya. Kajian *Blueprint* Bandar Pintar Negeri Perak 2040 melibatkan beberapa peringkat penyediaan laporan yang telah dipersetujui/diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa seperti berikut:

Bil.	Laporan	Mesyuarat
1.	Laporan Interim	Mesyuarat Jawatankuasa Penggerak Bil. 1/2024 pada 22 Januari 2024
2.	Draf Laporan Awal	Mesyuarat Jawatankuasa Penggerak Bil. 2/2024 pada 20 Mac 2024
3.	Draf Laporan Akhir	Mesyuarat Jawatankuasa Penggerak Bil. 3/2024 pada 26 April 2024
4.	Draf Laporan Akhir	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu pada 4 Jun 2024



Sesi Libat Urus (Siri 2) Kajian Blueprint Bandar Pintar Negeri Perak 2040 telah diadakan pada 1 April 2024 bertempat di Dewan Serbaguna, PTG Perak. Sesi Libat Urus dihadiri oleh wakil-wakil daripada PBT, Pejabat Daerah dan Tanah dan jabatan/agensi di Negeri Perak. Taklimat berkenaan kajian ini disampaikan oleh Ketua Perunding Anz Planners Sdn. Bhd.

Laporan *Blueprint* Bandar Pintar Negeri Perak 2040 telah dibentangkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) Perak Bil.3/2024 pada 26 Ogos 2024 sebagai pemakluman untuk panduan dan rujukan kepada semua jabatan/agensi dan PBT Negeri Perak.



JAWATANKUASA TEKNIKAL TANAH TINGGI DAN CERUN NEGERI PERAK (JTTTCPK)

Jawatankuasa Teknikal Tanah Tinggi dan Cerun Negeri Perak (JTTTCPK) telah diluluskan penubuhannya melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Perak Bil. 1622 pada 19 Mei 2010 iaitu selaras dengan kelulusan pemakaian Garis Panduan Perancangan Pembangunan di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi di Negeri Perak. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk mempertimbangkan permohonan kebenaran merancang yang melibatkan pembangunan di kawasan berikut :-

- i. Tanah bukit (ketinggian 150 meter hingga 300 meter) dari aras laut;
- ii. Tanah tinggi (ketinggian >300 meter hingga <1,000 meter) dari aras laut;
- iii. Kecerunan $\geq 25^\circ$ hingga $< 35^\circ$ (Kelas III); dan
- iv. Kecerunan $\geq 35^\circ$ (Kelas IV).

Bil.	Bil. Mesyuarat	Tarikh	Jumlah
1.	Bil. 1/2024	13 Jun 2024	1



MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL KEPADA JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI (JPN) DI BAWAH SEKSYEN 20A AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 [AKTA 172]

Seksyen 20A Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] menghendaki setiap jabatan atau agensi kerajaan berunding dengan Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) berkenaan aktiviti yang hendak dijalankan. Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) Perak Bil.2/2023 pada 11 April 2023 telah mengambil maklum mengenai pelaksanaan Pekeliling Ketua Setiausaha (KPKT) Bilangan 2 Tahun 2022 bertarikh 22 Disember 2022 mengenai Peluasan dan Penambahbaikan Urusan Rundingan di Bawah Seksyen 20A, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] Bagi Projek-Projek Pembangunan Kerajaan. Bagi tahun 2024, sebanyak 28 permohonan telah diterima dan mesyuarat telah diadakan seperti berikut :-

Bil.	Bil. Mesyuarat	Tarikh	Jumlah
1.	Bil. 1/2024	15 Februari 2024	3
2.	Bil. 2/2024	8 Mac 2024	2
3.	Bil. 3/2024	28 Mei 2024	3
4.	Bil. 4/2024	17 Oktober 2024	3
5.	Bil. 5/2024	30 Oktober 2024	12
6.	Bil. 6/2024	14 November 2024	3
7.	Bil. 7/2024	17 Disember 2024	2
JUMLAH KESELURUHAN			28



MESYUARAT PENGLIBATAN KUMPULAN SASAR (FGD) BERSAMA PIHAK BERKUASA PERANCANG TEMPATAN BAGI GARIS PANDUAN PERANCANGAN (GPP) LADANG TERNAKAN AYAM (LANTERA) DAN GPP LADANG SOLAR NEGERI PERAK

Mesyuarat Penglibatan Kumpulan Sasar (FGD) Bersama Pihak Berkuasa Perancang Tempatan Bagi GPP Ladang Ternakan Ayam (LANTERA) dan GPP Ladang Solar Negeri Perak telah diadakan pada 26 hingga 28 Jun 2024 di Puteri Bayu Beach Resort, Pulau Pangkor.

Tujuan FGD ini diadakan adalah bagi mendapatkan input dan maklum balas daripada pihak PBT, Pejabat Daerah dan Tanah dan agensi teknikal berkaitan GPP berkenaan sebelum diangkat ke Mesyuarat JPN untuk pemakaian di Negeri Perak.



MESYUARAT PANEL PENILAI LAPORAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL (SIA) NEGERI PERAK

PPSIA Negeri Perak ini telah diluluskan di Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Perak (JPN) Bil.2/2024 pada 31 Mei 2024. Panduan Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial bagi Projek Pembangunan (PPSIA) untuk Diterimapakai di Negeri Perak telah disahkan dalam Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Bil.2152 pada 28 Ogos 2024.

Pada tahun 2024, 1 permohonan yang diterima untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Panel Penilai Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) Negeri Perak iaitu:-

Bil.	Mukim/Daerah	Tajuk Permohonan
1.	Hulu Bernam Timor / Daerah Muallim	Cadangan Skim Perumahan Di Atas Lot 20403 (PN 394962) Seluas 103.71 Ekar, Behrang Ulu, Mukim Hulu Bernam Timor, Daerah Muallim, Perak Darul Ridzuan. – Tetuan Tg.Malim Hi-Tech Park Sdn.Bhd.

PENGEMASKINIAN PENERIMAAN PELAN PINTA UKUR 2024

Pada tahun 2024, Bahagian Pengurusan Perancangan Dan Projek Khas (BPPPK) telah merekod 26 permohonan Pelan Pinta Ukur seperti berikut:-

Bil.	Bil. Mesyuarat	Tarikh	Jumlah
1.	Bil. 1/2024	15 Februari 2024	3
2.	Bil. 2/2024	8 Mac 2024	2
3.	Bil. 3/2024	28 Mei 2024	3
4.	Bil. 4/2024	17 Oktober 2024	3
5.	Bil. 5/2024	30 Oktober 2024	12
6.	Bil. 6/2024	14 November 2024	3
7.	Bil. 7/2024	17 Disember 2024	2

LAPORAN PROJEK KHAS 2024

PLANMalaysia Perak telah menerima 3 permohonan projek khas seperti berikut:

Bil.	Perkara	Status
1.	Projek Bandar Baharu Bagan Datoh	Peringkat pelaksanaan kajian Rancangan Kawasan Khas (RKK) Bandar Baharu Bagan Datuk oleh Majlis Perbandaran Teluk Intan
2.	Projek Kerian <i>Integrated Green Industrial Park</i>	Rancangan Tempatan Daerah Kerian 2035 telah selesai proses pengubahan
3.	Projek Bandar Belia Perak Tengah	Peringkat Pelan Susunatur

PEMANTAUAN KE ATAS PEMATUHAN KM DI BAWAH SUBSEKSYEN 5(2) AKTA 172

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 5 permohonan telah diterima daripada Urus Setia JKP. Keseluruhan permohonan telah mendapat kelulusan Kebenaran Merancang dan disenaraikan bagi pemantauan aktiviti guna tanah di kawasan Pengarah Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perak selaku PBPT di bawah subseksyen 5(2), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) melibatkan permohonan di daerah seperti berikut:

- i. Daerah Perak Tengah – 2 permohonan
- ii. Daerah Muallim – 4 permohonan

Hasil pemantauan mendapati keseluruhan aktiviti guna tanah adalah selaras dengan tujuan permohonan.

Bil.	Mukim/Daerah	Tajuk Permohonan
1.	Slim / Daerah Muallim	Permohonan Kebenaran Merancang Pelan Pertapakan Di Bawah Subseksyen 21(1), Akta 172 Bagi Tujuan Tukar Syarat Nyata Tanah Daripada 'Tanaman Komersial Getah' Kepada 'Ternakan Ayam' Yang Mengandungi 4 Blok Reban Ayam Tertutup 2 Tingkat, 1 Unit Pejabat, Rumah Pekerja Di Atas Lot 4566 Seluas 5.256 Ekar (2.127 Hektar), Mukim Slim, Daerah Muallim, Perak Darul Ridzuan – Tetuan Iblani Agrofarm Sdn Bhd.

Bil.	Mukim/Daerah	Tajuk Permohonan
2	Slim / Daerah Muallim	Permohonan Kebenaran Merancang Dibawah Subseksyen 21(1), Akta 172 Bagi Tujuan Penyerahan Balik Dan Pemberimilikan Semula Secara Serentak Di Bawah Seksyen 204d, Kanun Tanah Negara (Ktn), Untuk Tujuan Cadangan Plot Pertanian (Rumah Kebun) Seluas 5.062 Ekar (2.0487 Hektar), Di Atas Lot 3358 (No. Hakmilik Gm 301) Mukim Slim, Daerah Muallim Perak Darul Ridzuan - Tetuan Ebrahim Bin Abidin Dan Mohd Hasran Bin Jamaludin.
3	Hulu Bernam Timur / Daerah Muallim	Permohonan Kebenaran Merancang Dibawah Subseksyen 21(1), Akta 172 Bagi Tujuan Cadangan Membina Seunit Struktur Pemancar Telekomunikasi Bagi Projek Jendela Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia (Skmm) Jenis Menara 3-Legged Tower Setinggi 60 Meter Dan Peralatan Telekomunikasi Di Bawah Seksyen 204d Seluas 0.06 Ekar (0.024 Hektar) Di Atas Sebahagian Tanah Lapang, Kawasan Diamond Creeks Country Retreat, Jalan Kampung Sungai Sekiah, Behrang Mukim Hulu Bernam Timur, Daerah Muallim, Negeri Perak Darul Ridzuan - Tetuan Edotco Malaysia Sdn. Bhd.
4	Pasir Panjang Hulu / Daerah Perak Tengah	Permohonan Kebenaran Merancang Di Bawah Subseksyen 21(1) Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) bagi Tukar Syarat Nyata Tanah Daripada 'Tanaman Komersial' Kelapa Sawit Kepada 'Ternakan Ayam' Yang Mengandungi 4 Blok Bangunan Reban Tertutup 2 Tingkat, 1 Unit Rumah Rehat Pekerja, 5 Unit Stor, 1 Unit Pondok Pengawal, 1 Unit Pencawang Elektrik Padat, 1 Unit Bilik Genset Di Atas Lot 5481 (No. Hakmilik PM748), Seluas 6.270 Ekar (2.538 Hektar), Mukim Pasir Panjang Hulu, Daerah Perak Tengah, Perak Darul Ridzuan - Tetuan Lestari Desa Agro Sdn. Bhd

Bil.	Mukim/Daerah	Tajuk Permohonan
5	Pasir Panjang Hulu / Daerah Perak Tengah	Permohonan Kebenaran Merancang Di Bawah Subseksyen 21(1) Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) bagi Tukar Syarat Nyata Tanah Daripada 'Tanaman Komersial' Kelapa Sawit Kepada 'Ternakan Ayam' Yang Mengandungi 2 Unit Bangunan Reban Tertutup 1 Tingkat, 3 Unit Stor 1 Tingkat, 1 Unit Bilik Bio-Sekuriti, 1 Bilik Genset, 1 Unit Pencawang Elektrik Padat Di Atas Lot 3495 (Gsm2686), Seluas 3.084 Ekar (1.2481 Hektar), Mukim Pasir Panjang Hulu, Daerah Perak Tengah, Perak Darul Ridzuan - Tetuan Delegasi Emas Sdn Bhd.
6	Slim / Daerah Muallim	Permohonan Kebenaran Merancang Di Bawah Subseksyen 21(1) Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) bagi Tujuan Cadangan Membina Seunit Struktur Pemancar Telekomunikasi Jenis Menara 3-Legged Tower Setinggi 60m dan Peralatan Telekomunikasi di bawah seksyen 204D Seluas 0.9091 ekar di Sebahagian Lot 10601 Mukim Slim, Daerah Muallim, Perak Darul Ridzuan - Tetuan Perak Integrated Services Sdn Bhd.

SESI LIBAT URUS BERSAMA PIHAK BERKUASA PERANCANG TEMPATAN BAGI PENAMBAHBAIKAN JADUAL KETIGA, BAHAGIAN SATU FI PERMOHONAN UNTUK KEBENARAN MERANCANG MENGIKUT PERENGGAN 58(2)(J) AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

En. Juwis Ladiu selaku Ketua Bahagian Pengurusan Perancangan dan Projek Khas telah mengetuai satu sesi libat urus yang melibatkan semua Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) pada 29 Oktober 2024 di Hotel Casuarina di Kuala Kangsar.

Sesi libat urus ini bertujuan mendapatkan maklumat awal (peringkat mobilisasi) ke atas fi permohonan Kebenaran Merancang (KM) dalam usaha untuk mengkaji semula dan menambahbaik kadar fi yang ditetapkan dalam Kaedah-kaedah Kawalan Perancangan (AM) tahun 2010. Beberapa aktiviti jenis pemajuan baru seperti perlombongan, penternakan, ladang solar serta lain-lain fi yang perlu diselaraskan setiap PBPT.



LAWATAN KERJA PERKONGSIAN PELAKSANAAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL (SIA) DI JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan (PLANMalaysia Perak) telah mengadakan lawatan kerja perkongsian bagi pelaksanaan Penilaian Impak Sosial (SIA) pada 26 hingga 27 November 2024 ke PLANMalaysia Selangor. Lawatan ini dihadiri seramai 17 orang yang diketuai oleh YBrs. TPr Gs. Mohamed Zamri bin Mohd Zain, Pengarah PLANMalaysia Perak, Timbalan Pengarah, Ketua Bahagian Pengurusan Perancangan dan Projek Khas (BPPPK) dan warga BPPPK PLANMalaysia Perak.

Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk berkongsi pengalaman dalam pengurusan pemantauan Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP) yang telah dilaksanakan oleh PLANMalaysia Selangor serta penambahbaikan ke atas proses tatacara permohonan sedia ada di PLANMalaysia Perak. Satu lawatan tapak ke *Centralised Labour Quarters* (CLQ) bertempat di Petaling Jaya yang merupakan contoh projek pembangunan bagi Penilaian Impak Sosial (SIA) di Negeri Selangor.

Semoga lawatan perkongsian ini memberi manfaat bersama dalam memantapkan pengurusan dan keurusetiaan SIA peringkat Negeri.



Lawatan Kerja Perkongsian Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial (SIA) di Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Selangor pada 26-27 November 2024

BENGKEL DRAF MANUAL GARIS PANDUAN DAN PIAWAIAN PERANCANGAN NEGERI PERAK DAN LAWATAN TEKNIKAL

Bengkel Draf Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Perak dan Lawatan Teknikal telah diadakan pada 28 - 30 November 2024 di Royal Belum Tasik Banding, Perak. Bengkel ini melibatkan 19 pegawai PLANMalaysia Perak.

Draf Manual mengandungi Piawaian GPP seperti berikut:

1. Perumahan
2. Kawasan Perdagangan
3. Kemudahan Masyarakat
4. Kawasan Lapang
5. Kebenaran Merancang Bagi Kerja Kejuruteraan (Kerja Tanah Untuk Aktiviti Pertanian dan Perladangan)
6. Pengecasan Kenderaan Eletrik (EVCB) 2023





AKTIVITI/PROGRAM JABATAN 2024



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-42 TAHUN 2024

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan melalui Kelab Sukan & Kebajikan (KESUBA) telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-42 Tahun 2024 pada 23 Januari 2024 bertempat di Bilik Mesyuarat Royal Belum, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan. Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah bagi mengesahkan Laporan Tahunan KESUBA dan Penyata Kewangan Tahun 2023. Selain itu, terdapat 8 usul yang telah dibincangkan dan diputuskan.



SESI KUNJUNGAN PENGHARGAAN KEPADA JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA PERAK DARUL RIDZUAN (PLANMalaysia Perak)

PLANMalaysia Perak telah menerima kunjungan Dr. Agkillah Maniam State Project Coordinator IC-CFS pada 5 Februari 2024. Sijil Penghargaan bagi projek '*Improving Connectivity In The Central Forest Spine (CFS) Landscape*' (IC-CFS) 2020 – 2023 daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.



MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SUMBER PLANMALAYSIA PERAK BIL.1/2024

Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Sumber PLANMalaysia Perak Bil 1/2024 telah diadakan pada 5 Februari 2024 di Bilik Mesyuarat Gua Tempurung, PLANMalaysia Perak. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh TPr Hajah Faridahwati Binti Mohd Salleh, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Korporat. Mesyuarat ini membincangkan berkaitan perletakan tempat bagi pusat sumber baharu di bahagian korporat dan penyediaan susun atur (*layout*) bagi penyusunan semula buku-buku, majalah, laporan-laporan dan juga risalah-risalah.



THE BIGGEST LOSER WEIGHT CHALLENGE PLANMALAYSIA PERAK 2024

Biro Sukan (KESUBA) dengan kerjasama Bahagian Korporat telah menganjurkan Program "The Biggest Loser Weight Challenge PLANMalaysia Perak 2024" untuk menyahut kempen jabatan "Warga Sihat Jiwa Bahagia". Pelancaran program telah disempurnakan oleh YBrs. TPr Gs. Mohamed Zamri Bin Mohd Zain pada 8 Mac 2024. Program ini bermula Mac sehingga Disember 2024.




KUNJUNGAN HORMAT DARI UNIVERSITI SULTAN AZLAN SHAH (USAS) KE ATAS PENGARAH JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA PERAK DARUL RIDZUAN (PLANMalaysia Perak)

Satu kunjungan hormat dari Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) ke atas TPr Gs. Mohamed Zamri bin Mohd Zain, Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan (PLANMalaysia Perak) telah diadakan di Bilik Mesyuarat Royal Belum, Aras 3, PLANMalaysia Perak pada 11 Mac 2024. Kunjungan hormat ini telah diketuai oleh Prof. Dato' Dr. Wan Sabri bin Wan Yusof, Naib Canselor, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS). Sesi ini juga turut dihadiri oleh 8 orang delegasi Akademi Sekuriti Makanan USAS, Timbalan Pengarah PLANMalaysia Perak dan Ketua-Ketua Bahagian PLANMalaysia Perak.



PROGRAM NUZUL AL QURAN 1445 H

PLANMalaysia Perak dengan kerjasama KESUBA telah menganjurkan Program Nuzul Al Quran 1445H pada 27 mac 2024. Di antara pengisian program ini adalah bacaan yassin beserta tahlil kepada arwah ibu mentua Puan Lenny Marlina binti Jonos. Bacaan yassin dan tahlil ini dipimpin oleh Encik Syed Afiq Zarulfinie bin Syed Huzaili. Di samping itu, PLANMalaysia Perak turut bermunajat dengan berzikir dan berselawat.



MAJLIS LAMBAIAN KASIH PLANMALAYSIA PERAK

Majlis Lambaian Kasih PLANMalaysia Perak telah diadakan pada 27 Mac 2024 bersempena pertukaran dan kenaikan pangkat Puan Normunirah binti Awaluddin, Penolong Pengarah, Unit Penyelidikan dan Pembangunan, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan (PLANMalaysia Perak) ke Gred 44 (Hakiki) ke Majlis Perbandaran Port Dickson, Negeri Sembilan berkuatkuasa 1 April 2024.



PENILAIAN DEKO RAYA BAHAGIAN PLANMALAYSIA PERAK 2024

PLANMalaysia Perak telah mengadakan pertandingan Deko Raya 2024 yang bertemakan "Suasana Raya" di setiap bahagian PLANMalaysia Perak. Penilaian Deko Raya 2024 ini disempurnakan oleh TPr Gs. Mohamed Zamri Mohd Zain, Pengarah PLANMalaysia Perak. Setiap bahagian telah menunjukkan dekorasi mengikut tema iaitu:

- i. Bahagian Khidmat Pengurusan: Suasana Raya di Kampung Halaman
- ii. Bahagian Korporat: Beraya di Sekolah
- iii. Bahagian Pengurusan Perancangan dan Projek Khas; Avengers The Raya
- iv. Bahagian Rancangan Pembangunan, Geospatial dan ICT: Teratak Bonda



PROGRAM PERSIAPAN SAMBUTAN RAYA AIDIL FITRI PLANMALAYSIA PERAK 2024 BERSAMA ANAK-ANAK YATIM

PLANMalaysia Perak melalui Bahagian Khidmat Pengurusan dengan kerjasama Bahagian Korporat telah menjalankan Program Persiapan Sambutan Hari Raya Aidilfitri Bersama Anak-anak Yatim dari Bandar Ipoh dan Tronoh pada 27 Mac 2024. Seramai 20 orang daripada 5 buah keluarga berumur dari 3 tahun hingga 19 tahun.



PERTANDINGAN MEMASAK RENDANG AYAM RAYA 2024 DAN PROGRAM REWANG AIDILFITRI PLANMALAYSIA PERAK 2024

Bersempena dengan sambutan bulan Ramadhan tahun 2024, PLANMalaysia Perak dan KESUBA telah mengadakan Pertandingan Memasak Rendang Ayam Raya dan Program Rewang Aidilfitri 2024 bertempat di perkarangan Tempat Letak Motosikal, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perak pada 4 April 2024.



MAJLIS SANJUNGAN BUDI LAMBAIAN KASIH, ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2023 DAN KESUBA AIDILFITRI 2024

Majlis Sanjungan Budi Lambaian Kasih, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2023 dan KESUBA Aidilfitri telah diadakan di Malayana Ballroom, Lost World Of Tambun pada 23 April 2024. Majlis ini meraikan 2 orang Penolong Pegawai Perancang Bandar iaitu En. Suhaimi bin Ramli dan En. Jamal Abdul Nasir bin Razali yang akan bersara wajib dalam bulan Julai. Terima kasih atas segala jasa dan bakti. Majlis ini juga memberi penghargaan kepada 7 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang(APC) di samping 15 orang penerima Sijil Prestasi Cemerlang(SPC) bagi tahun 2023. Semoga pengiktirafan ini menjadi suntikan semangat bagi semua warga PLANMalaysia Perak untuk berkhidmat dengan lebih cemerlang dan komited pada masa-masa yang akan datang untuk terus mencapai kecemerlangan.



LAWATAN KERJA JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA PERAK DARUL RIDZUAN (PLANMALAYSIA PERAK) KE RADIO TELEVISYEN MALAYSIA (RTM), JABATAN PENYIARAN NEGERI PERAK

Sesi Lawatan Kerja PLANMalaysia Perak yang diketuai oleh YBr. TPr Gs. Mohamed Zamri bin Mohd Zain, Pengarah PLANMalaysia Perak, bersama-sama Timbalan Pengarah PLANMalaysia Perak dan 16 warga dari Bahagian Korporat Jabatan ke RTM Perak telah disambut oleh Encik Mohamad Nasreeq bin Mohamed Nesharah, Penerbit Rancangan, Unit Hiburan dan Muzik serta Puan Nurul Syarafina binti Shahrir, Jurutera dari Bahagian Kejuruteraan Penyiaran Perak pada 29 April 2024. Lawatan kerja ini diadakan adalah bertujuan untuk mendapatkan gambaran dengan lebih jelas dan memahami proses Media Penyiaran yang dilaksanakan oleh pihak RTM Perak, mengetahui proses-proses penyediaan Pelan Media dan hebahan kepada orang awam serta mengetahui cara untuk membuat rakaman pendek dengan baik bagi tujuan penyiaran di media sosial.



KUNJUNGAN HORMAT MAJUPERAK HOLDING KE PLANMALAYSIA PERAK

Pengarah Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan (PLANMalaysia Perak), TPr Gs. Mohamed Zamri bin Mohd Zain hari ini telah menerima kunjungan hormat dari pihak Majuperak Holdings Berhad yang diketuai oleh *Group Chief Executive Officer*, Encik Syed Agil bin Syed Hashim bersama 3 org pegawai beliau iaitu Encik Nor Azman Zulkifli, Encik Muhammad Hafiz Abd Karin Nast dan Puan Nor Farah Aida binti Mohamed Zeble pada 14 Jun 2024.



KURSUS SULAMAN BENANG ANJURAN KOLEJ KOMUNITI BATU GAJAH SEMPENA *NATIONAL TRAINING WEEK*

Sempena pelancaran *National Training Week* 2024 (NTW) , satu Kursus Sulaman Benang anjuran Kolej Komuniti Batu Gajah telah dianjurkan pada 25 Jun 2024 di Bilik Mesyuarat Gua Tempurung, PLANMalaysia Perak yang di sertai seramai 20 orang warga pelbagai unit PLANMalaysia Perak. Kursus ini di kendalikan oleh Puan Farah Nadia binti Murad dari Kolej Komuniti Batu Gajah bagi memberi pendedahan beberapa teknik asas sulaman benang dan teknik-teknik sulaman benang motif pelbagai.



PROGRAM JELAJAH RIMBA KESUBA 2024

Seramai 41 Warga PLANMalaysia Perak telah menyertai Program Jelajah Rimba KESUBA 2024 bertempat di Bukit Kledang, Ipoh yang turut dihadiri oleh Pengarah PLANMalaysia Perak, TPr Gs. Mohamed Zamri bin Mohd Zain. Program yang dianjurkan oleh Kelab Sukan dan Kebajikan PLANMalaysia Perak ini merupakan salah satu pengisian bagi Program “*The Biggest Weight Challenge Programme*” yang diadakan sepanjang tahun 2024.



KUNJUNGAN HORMAT DAN LAWATAN TEKNIKAL PLANMALAYSIA TERENGGANU KE PLANMALAYSIA PERAK

PLANMalaysia Perak telah menerima kunjungan hormat dari delegasi Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Terengganu (PLANMalaysia Terengganu) pada 23 Jun 2024 yang diketuai oleh YBrs. TPr Dr. Abu Bakar bin Mat, Pengarah PLANMalaysia Terengganu. Kunjungan hormat ini turut disertai oleh BKT (SUK Terengganu) dan tujuh (7) Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Terengganu.



PROGRAM NILAI MURNI SEMPENA BULAN KEBANGSAAN DAN MAJLIS LAMBAIAN KASIH WARGA PLANMALAYSIA PERAK

Sempena bulan Kebangsaan, PLANMalaysia Perak telah mengadakan Program Nilai Murni iaitu Tazkirah 'Erti Kemerdekaan Dan Hijrah' pada 2 Ogos 2024 yang disampaikan oleh AF. Ustaz Ahmad Khairul Nizam bin Ahmad Tarmizi dari Jabatan Agama Islam Negeri Perak. Program ini di hadiri seramai 84 warga PLANMalaysia Perak bertempat di Bilik Mesyuarat Royal Belum, PLANMalaysia Perak.



KURSUS ASAS PERTAHANAN AWAM SIRI 1/2024 JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA PERAK DARUL RIDZUAN TAHUN 2024

PLANMalaysia Perak dengan kerjasama Angkatan Pertahanan Awam Negeri Perak (APM) telah mengadakan Kursus Asas Pertahanan Awam Siri 1/2024 pada 28 Ogos 2024 bertempat di Bilik Mesyuarat Royal Belum, PLANMalaysia Perak. Kursus ini turut dihadiri Pengarah PLANMalaysia Perak, TPr Gs. Mohamed Zamri bin Mohd Zain dan 84 warga PLANMalaysia Perak.



SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2024

PLANMalaysia Perak telah menyertai Majlis Sambutan Hari Kebangsaan Ke-67 Peringkat Negeri Perak di Hadapan Dewan Bandaran Ipoh, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, Ipoh dengan tema “Malaysia Madani: Jiwa Merdeka”. Kontinjen Kawad PLANMalaysia Perak telah mengikuti sesi raptai penuh pada 29 Ogos 2024 dibarisi seramai 55 orang anggota yang merupakan Kontinjen yang ke-14 di ketuai oleh Asyriq Syamim bin Sharuddin.



MAJLIS SEUNTAI KASIH SEKALUNG BUDI PLANMALAYSIA PERAK

Majlis Seuntai Kasih Sekalung Budi PLANMalaysia Perak telah diadakan pada 30 Ogos 2024 bersempena pertukaran Puan Norafidah binti Haji Salleh, Penolong Pengarah, Unit Keurusetiaan Teknikal, Khidmat Nasihat Perancangan dan Pemantauan, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan (PLANMalaysia Perak) ke Majlis Perbandaran Teluk Intan, Perak berkuatkuasa 2 September 2024.



SESI PENJURIAN PERTANDINGAN REKA BENTUK MASKOT PERANCANG BANDAR SEMPENA SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA (HPBS) TAHUN 2024

PLANMalaysia Perak telah mengadakan sesi penjurian Pertandingan Reka bentuk Maskot Perancang Bandar PLANMalaysia Perak pada 13 September 2024 sempena Sambutan HPBS 2024 bertempat di Bilik Lembaga Rayuan, PLANMalaysia Perak. Sesi Penilaian ini dibuat oleh YBr. TPr Gs. Mohamed Zamri bin Mohd Zain, Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan (PLANMalaysia Perak) keatas lapan penyertaan.



SAMBUTAN HARI INOVASI PLANMALAYSIA PERAK DAN TAKLIMAT *ARTIFICIAL INTELLIGENCE* (AI)

Sambutan Hari Inovasi Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan (PLANMalaysia Perak) dan Taklimat *Artificial Intelligence* (AI) telah berlangsung pada 19 September 2024 bertempat di Hotel Casuarina Meru, Ipoh dengan kehadiran seramai 65 warga PLANMalaysia Perak.



LAWATAN KERJA DAN SESI TAKLIMAT MENGENAI PERANCANGAN & PEMBANGUNAN BANDAR BETONG, THAILAND

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan (PLANMalaysia Perak) telah mengadakan Lawatan Kerja dan Sesi Taklimat Mengenai Perancangan dan Pembangunan Bandar Betong, Thailand di Pejabat Daerah Betong pada 27 September 2024. Kunjungan ini diketuai oleh YBrs TPr Gs. Mohamed Zamri bin Mohd Zain, Pengarah PLANMalaysia Perak yang turut dihadiri oleh pegawai PLANMalaysia Perak, Majlis Daerah Pengkalan Hulu dan Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Perak. Delegasi telah disambut oleh Timbalan Pegawai Daerah Betong yang disertai bersama oleh pegawai daripada Jabatan Kastam, Imigresen, Pertanian, JPJ dan YDP. Lawatan ini diadakan bertujuan untuk membincangkan perancangan dan pembangunan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh pihak Pejabat Daerah Betong yang menjadi input kepada Kajian Semula RSNP 2040 yang akan dilaksanakan pada tahun hadapan. Sesi taklimat telah disampaikan oleh Datuk Bandar Majlis Perbandaran Betong. Semoga persahabatan di antara Kerajaan Negeri Perak melalui PLANMalaysia Perak dan Betong bertambah kukuh dan perancangan serta pembangunan yang akan dilaksanakan memberi manfaat bersama.



EXPLORACE JEJAK WARISAN IPOH

Sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Tahun 2024 Peringkat Negeri Perak, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan (PLANMalaysia Perak) telah menganjurkan *Explorace* Jejak Warisan Ipoh pada 26 Oktober 2024. *Explorace* ini telah disertai oleh 31 kumpulan dari seluruh negara dan peserta telah menyempurnakan tugas melibatkan 16 *checkpoint* di sekitar pusat bandar Ipoh. Tahniah diucapkan kepada kumpulan Rimor yang telah memenangi tempat pertama bagi pertandingan *explorace* ini dan tahniah juga diucapkan kepada *Golden Gaurus* MPKK ditempat kedua dan Mak Komer Lejen ditempat ketiga.



LAWATAN AKADEMIK PELAJAR SARJANA MUDA PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH SEMESTER 1 UITM KAMPUS PUNCAK ALAM KE PLANMALAYSIA PERAK

PLANMalaysia Perak telah menerima lawatan akademik pelajar Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah Semester 01 seramai 25 orang pelajar yang diketuai oleh Puan Nur Amalina binti Ahmad Kadir dan Dr. Nadhirah binti Nordin, Penyelia Studio Bidang Perancangan Bandar dan Wilayah, Kolej Alam Bina, UiTM Puncak Alam.



KUNJUNGAN HORMAT AHLI JAWATANKUASA REHDA KE PLANMALAYSIA PERAK

IPLANMalaysia Perak TPr Gs. Mohamed Zamri bin Mohd Zain telah menerima kunjungan hormat dari pihak REDHA yang diketuai oleh Pengerusi REHDA Cawangan Perak, Ir Loh Ban Ho bersama 3 org ahli beliau iaitu Puan May Ang Chan Moy, Timbalan Pengerusi REHDA Perak, Ar Cheng Mao Yang, Timbalan Setiausaha REHDA Perak dan Encik Ryan Goh, Ahli Jawatankuasa REHDA.



MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA (HPBS) 2024 PERINGKAT NEGERI PERAK

YB Puan Sandra Ng Shy Ching, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang mewakili YAB Menteri Besar Perak Darul Ridzuan telah merasmikan Majlis Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Tahun 2024 Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan di Dewan Merdeka, Parit Buntar pada 7 Disember 2024 bertemakan “Sedaya Upaya Membina Bandar Mampan dan Pintar #DemiPertiwi” dan dihadiri oleh 300 orang tetamu jemputan. Majlis turut diserikan dengan kehadiran YBhg. Datuk TPr Dr. Alias bin Rameli, Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa; YBrS TPr Gs. Mohamed Zamri bin Mohd Zain, Pengarah PLANMalaysia Perak; YBrS Tuan Saidi bin Haji Shaari, Pegawai Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah Kerian; YBrS Tuan Helmi bin Yusof@Jusoh, Yang DiPertua, Majlis Daerah Kerian dan YBrS Profesor Madya Dr Nur Hisham Ibrahim, Rektor Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak, Seri Iskandar.



YB Puan Sandra Ng Shy Ching telah melancarkan Sistem Geosilver Nexus (GSN) yang merupakan produk terbaru oleh PLANMalaysia Perak dan Pelan Tindakan Bandar Pintar PBT bagi Majlis Perbandaran Manjung, Majlis Daerah Kampar dan Majlis Daerah Kerian. Kemuncak acara adalah Anugerah Khas Menteri Besar Perak Darul Ridzuan bagi "Ease of Doing Business" kepada Majlis Daerah Kerian sebagai penghargaan dan pengiktirafan atas usaha secara kolektif bagi Projek Kerian Integrated Industrial Park (KIGIP). Selain itu, turut diadakan Anugerah Penghargaan Bandar Mampan 2024 kepada 15 PBT Negeri Perak dan penyampaian sijil penghargaan dan hadiah kepada pemenang-pemenang bagi 10 program HPBS 2024 Peringkat Negeri Perak yang telah dijalankan sejak September 2024 dengan kerjasama Majlis Daerah Kerian dan UiTM Cawangan Perak, Seri Iskandar termasuk Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS). Tidak dilupakan penglibatan pempamer oleh jabatan/agensi di reruai pameran sempena sambutan ini dijalankan. Semoga usaha murni ini merupakan ikhtiar berterusan untuk melebar luas produk dan perkhidmatan Kerajaan Negeri Perak kepada rakyat dalam usaha mencapai Pelan Perak Sejahtera 2030.





ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN 2024



PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2023

Seramai 7 orang warga telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan 15 orang menerima Sijip Penghargaan Prestasi Cemerlang (SPC) bagi tahun 2023.



*Nurul Azwa binti Abdul Rahman
(J41)*



*Mohd Norazam bin Baharuddin
(JA36 KUP)*



*Muhammad Azman bin Abu Naim
(JA29)*



*Puan Norain binti Alang Kamarudin
(N22)*



*Syafini binti Mohd Noor
(JA19)*



*Ross Amelia binti Ramlan
(JA19)*



*Haji Osman bin Yeop Lon
(N11)*

PENERIMA SIJIL PENGHARGAAN PRESTASI CEMERLANG (SPC) TAHUN 2023



Mohd Shuhaidi bin Mat Isa
(J44)



Nur Nabilah binti Roszai
(J41)



Norashida binti Nazri
(JA36)



Azrina binti Mohamed Shafie
(JA29)



Mohd Khalil bin Bushra
(PP/J41)



Siti Mariam binti Rodaei
(JA29)



Mohd Hafizul bin Abdul Halim
(JA22)



Normunirah binti Awaluddin
(J44-F)



Mohamad Saadam bin Mustafa
(J41)



Imran bin Zainuddin
(JA36 KUP)



Mohd Fairos bin Mohd Tajudin
(JA29)



Yuhanis Isnaizah binti Zainal Ariffin
(JA19)



Hamizah Hasni binti Mohamed Isa
(N22 KUP)



Norbaizura binti Salehuddin
(N22)



Haslina binti Kamaruddin
(W29 KUP)

PENERIMA “EMPLOYEE OF THE MONTH” TAHUN 2024

Seramai 3 orang penerima bagi Anugerah Pekerja Terbaik (*Employee of The Month*) mengikut sukuan tahun. Tahniah diucapkan kepada penerima!



Januari - April

Yuhanis Isnaiza binti Zainal Ariffin
(JA19)



Mei -Ogos

Mohd Shaiful Shah bin Md Radzi
(JA29)



September - Disember

Mariam binti Ramli
(N26 KUP)

PENGIKTIRAFAN KERAJAAN NEGERI

Jabatan mengucapkan tahniah kepada warga PLANMalaysia Perak yang telah dikurniakan Pingat Negeri Perak sempena sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, Tahun 1446H/2024M. Istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran dan Pingat Negeri Perak telah berlangsung di Balairong Seri, Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, pada 9 November 2024.

Pegawai yang menerima pingat adalah:-

- 1) Puan Norafidah binti Haji Salleh - Pingat Pekerti Terpilih (PPT)
- 2) Encik Haji Osman bin Yeop Lon - Pingat Lama Perkhidmatan (PLP)



*Norafidah binti Haji Salleh
Pingat Pekerti Terpilih (PPT)*



*Haji Osman bin Yeop Lon
Pingat Lama Perkhidmatan (PLP)*



Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan
(**PLANMalaysia Perak**)

TINGKAT 3&7, BANGUNAN SERI PERAK,
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB, 30646 IPOH,
PERAK MALAYSIA



<https://planmalaysia.perak.gov.my/>



PLANMalaysia Perak